



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KECEKAPAN PENGURUSAN ASET DALAM KALANGAN GURU KANAN
MATA PELAJARAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI SELANGOR,
MALAYSIA***

NUR ASMARANI BT MOHD AWAL @ ANUAR

FPP 2015 40



**KECEKAPAN PENGURUSAN ASET DALAM KALANGAN GURU KANAN
MATA PELAJARAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI SELANGOR,
MALAYSIA**

Oleh

NUR ASMARANI BT MOHD AWAL @ ANUAR

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah
Master Sains**

Disember 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**KECEKAPAN PENGURUSAN ASET DALAM KALANGAN GURU KANAN
MATA PELAJARAN TEKNIK DAN VOKASIONAL DI SELANGOR,
MALAYSIA**

Oleh

NUR ASMARANI BT MOHD AWAL @ ANUAR

Disember 2015

Pengerusi : Suhaida Binti Abdul Kadir, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Perlaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) yang menekankan pembelajaran secara 'hands-on' banyak melibatkan penggunaan aset di bengkel-bengkel. Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) bidang teknik & vokasional perlu mempunyai kepemimpinan pengajaran dan kompetensi dalam pengurusan kewangan supaya dapat membantu pengetua dalam mengurus aset di sekolah. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan pengurusan aset alih kerajaan dalam bidang Teknik & Vokasional berdasarkan faktor demografi, kepemimpinan pengajaran GKMP dan kompetensi pengurusan kewangan GKMP bidang Teknik & Vokasional. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan menentukan hubungan antara kepemimpinan pengajaran dan kompetensi pengurusan kewangan GKMP dengan amalan pengurusan aset alih kerajaan dalam bidang Teknik & Vokasional.

Responden terdiri daripada 287 orang guru yang mengajar mata pelajaran KHB di sekolah menengah negeri Selangor. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif secara tinjauan (*survey*) dengan menggunakan borang soal selidik. Instrumen kajian bagi kepemimpinan pengajaran adalah menggunakan soal selidik *Principal Instructional Management Rating Scale* (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007) yang telah diubahsuai. Item bagi kompetensi pengurusan kewangan dan amalan pengurusan aset alih kerajaan diukur menggunakan soal selidik yang dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) 2007.

Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya, responden bersetuju ($M=3.57$, $S.P=.39$) bahawa amalan pengurusan aset alih di sekolah mereka mematuhi Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) 2007. Responden juga bersetuju ($M=4.05$, $S.P=.39$) bahawa GKMP bidang Teknik & Vokasional di sekolah mereka mengamalkan kepemimpinan pengajaran

yang berkesan. Kompetensi pengurusan kewangan GKMP menunjukkan responden setuju ($M=3.83$, $S.P=.65$) bahawa GKMP di sekolah mereka mempunyai kompetensi pengurusan kewangan. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara kepemimpinan pengajaran dengan amalan pengurusan aset bidang Teknik & Vokasional, [$r(287) = .34$, ($p < .01$)]. Begitu juga terdapat hubungan positif dan signifikan antara kompetensi pengurusan kewangan GKMP dengan amalan pengurusan aset bidang Teknik & Vokasional, [$r(287) = .38$ ($p < .01$)].

Secara keseluruhannya pengurusan aset alih kerajaan masih boleh ditingkatkan melalui pematuhan ke atas Tatacara Pengurusan Aset (TPA) 2007. Ini kerana melalui pengamalan kepemimpinan pengajaran dan kompetensi pengurusan kewangan GKMP dapat memberi impak yang positif terhadap kecekapan pengurusan aset alih kerajaan. Pihak pentadbir di peringkat sekolah dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam meningkatkan kompetensi pengurusan kewangan yang merangkumi pengurusan aset alih kerajaan dengan menyediakan latihan dan pemantauan yang berterusan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Master of Science

THE EFFICIENCY OF THE MANAGEMENT OF ASSETS BY SENIOR TEACHERS TEACHING THE SUBJECT OF TECHNIQUE AND VOCATIONAL IN SELANGOR MALAYSIA

By

NUR ASMARANI BT MOHD AWAL @ ANUAR

December 2015

Chairman : Suhaida Binti Abdul Kadir, PhD
Faculty : Educational Studies

Implementation of the Integrated Living Skills subject (KHB) which stresses a 'hands-on' learning involves a lot of assets management in workshops. Senior Teachers (GKMP) in Technical and Vocational fields needs to have an instructional leadership and competency in financial management in order to assist principals in managing the school assets. The aims of this study to identify the management practices in managing the government assets based on Technical and Vocational demographics, GKMP instructional leadership and financial management competencies in Technical and Vocational GKMP field. In addition, the study also intended to determine the relationship between teaching and leadership competency GKMP financial management with asset management practices in the field of Technical and Vocational specially in secondary school in Malaysia. The respondents consisted of 287 teachers who are teaching Technical and Vocational subjects in secondary schools.

This study was a quantitative (surveys) approach using a questionnaire method. The instrument used was a set of questionnaires given to the respondents. Principal Instructional Management Rating Scale (Ministry of Education, 2007) is used as it is adopted and adapted based on the study situation. Items reliability in financial management and management practices of the government assets were measured using a questionnaire developed by the researcher based on Government Code Asset Management (TPA) 2007. The findings showed that respondents agreed ($M = 3.57$, $SD = .39$) that the practice of mobile asset management in their schools comply with Government Code Asset Management (TPA) 2007. Respondents also agreed ($M = 4.05$, $SD = .39$) that GKMP in their school practicing the effective instructional leadership. The finding also showed that the respondents agreed that the GKMP have the competency in financial management ($M = 3.83$, $SD = .65$). The Pearson correlation analysis showed

a significant positive correlation between instructional leadership and management practices in the field of Technical and Vocational assets, $r = .45$ ($p < .01$). Similarly, there is a significant positive relationship between financial management competency and practice asset management on GKMP, $r = .44$ ($p < .01$).

The overall management of government assets can still be improved through compliance with the Code Asset Management (TPA) 2007. The results implied that the practice of instructional leadership competency is able to assist the GKMP financial management to have a positive impact on the efficient management on government assets. In addition, the school administrators and District Education Office (DEO) should play a proactive role in improving the financial management competencies including the management of government assets by providing training and ongoing monitoring.



PENGHARGAAN

Segala puji-pujian hanya pada Allah S.W.T. Sesungguhnya hidup dan matiku hanyalah keranaMu. Rasa syukur yang tidak terhingga dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana telah memberi kesihatan yang baik untuk menyiapkan tesis ini. Jutaan penghargaan dirakamkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Dr Suhaida binti Abdul Kadir serta Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, Dr Ramli bin Basri atas bantuan, tunjuk ajar dan bimbingan serta panduan yang berterusan sepanjang proses menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga buat semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Bahagian Tajaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan semua responden yang terlibat dalam kajian ini iaitu guru-guru KHB di negeri Selangor atas kerjasama yang diberikan.

Untuk suami tersayang, Norizan Saleh, terima kasih di atas semangat, dorongan dan motivasi yang berterusan. Begitu juga untuk anak-anak Nurul Nabila Atikah, Nur Farah Ariena, Muhammad Alif Najmi, Muhammad Akmal Danial, Muhammad Danish Fitri, Aisya Qistina dan Ameera Yasmin agar kejayaan mama dapat dijadikan sebagai pembakar semangat dalam meneruskan perjuangan untuk menjadi insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.

Ucapan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak berkongsi maklumat dan memberi semangat. Segala jasa dan sumbangan kalian amatlah berharga dan hanya Allah yang dapat membalasnya.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Suhaida Abdul Kadir, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ramli bin Basri, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan / fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nur Asmarani Bt Mohd Awal @ Anuar, GS34443

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan: Suhaida binti Abdul Kadir, PhD

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan: Ramli bin Basri, PhD

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Objektif Kajian	9
	1.5 Persoalan Kajian	10
	1.6 Kepentingan Kajian	10
	1.7 Batasan Kajian	11
	1.8 Definisi Istilah	11
	1.9 Kesimpulan	12
2	SOROTAN LITERATUR	13
	2.1 Pengenalan	13
	2.2 Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bidang Teknik & Vokasional	13
	2.3 Konsep Akauntabiliti dan Legaliti dalam Pengurusan Aset Alih Kerajaan	16
	2.4 Model Kepemimpinan Pengajaran	21
	2.5 Kepemimpinan Pengajaran GKMP	26
	2.6 Model Kompetensi	31
	2.7 Kompetensi Pengurusan Kewangan GKMP	32
	2.8 Hubungan Antara Kepemimpinan Pengajaran dengan Amalan Pengurusan Aset Alih Kerajaan	36
	2.9 Hubungan Antara Kompetensi Pengurusan Kewangan dengan Amalan Pengurusan Aset Alih Kerajaan	37
	2.10 Kerangka Konseptual Kajian	39
	2.11 Kesimpulan	39
3	METODOLOGI KAJIAN	40
	3.1 Pengenalan	40
	3.2 Reka Bentuk Kajian	40
	3.3 Populasi dan Persampelan	40
	3.4 Instrumen Kajian	42

3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan	44
3.6	Kajian Rintis	45
3.7	Tatacara Pengumpulan Data	45
3.8	Analisis Data	46
3.9	Kesimpulan	49
4	DAPATAN KAJIAN	50
4.1	Pengenalan	50
4.2	Demografi Responden	51
4.3	Amalan Pengurusan Aset Alih Kerajaan Bidang Teknik & Vokasional	53
4.4	Kepemimpinan Pengajaran GKMP Bidang Teknik & Vokasional	56
4.5	Kompetensi Pengurusan Kewangan GKMP Bidang Teknik & Vokasional	60
4.6	Hubungan Kepemimpinan Pengajaran dengan Amalan Pengurusan Aset Alih Kerajaan	63
4.7	Hubungan Kompetensi Pengurusan Kewangan dengan Amalan Pengurusan Aset Alih Kerajaan	64
4.8	Kesimpulan	65
5	RUMUSAN, PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	66
5.1	Pengenalan	66
5.2	Rumusan	66
5.3	Perbincangan	68
5.4	Implikasi Kajian	75
5.5	Implikasi dan Cadangan	76
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	78
5.7	Kesimpulan	79
	RUJUKAN	81
	LAMPIRAN	91
	BIODATA PELAJAR	96

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka surat
1	Bilangan sijil audit berteguran bagi sekolah-sekolah di negeri Selangor bagi tahun kewangan 2014	3
2	Bilangan sekolah di negeri Selangor bagi kelemahan dalam pengurusan aset alih kerajaan	3
3	Taburan bilangan item kepemimpinan pengajaran	43
4	Nilai kebolehpercayaan instrument	45
5	Jadual interpretasi skor min	47
6	Garis panduan menginterpretasi pekali korelasi Pearson	48
7	Ujian statistik yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian.	48
8	Taburan kekerapan dan peratus responden dari aspek demografi	52
9	Analisis Min Amalan Pengurusan Aset	53
10	Perbezaan amalan pengurusan aset mengikut lokasi	54
11	Perbezaan Amalan Pengurusan Aset mengikut Jantina	54
12	Perbezaan amalan pengurusan aset mengikut Jawatan.	55
13	Perbezaan amalan pengurusan aset mengikut pengalaman di bawah kepemimpinan GKMP semasa	55
14	Analisis Min Kepemimpinan Pengajaran GKMP	56
15	Analisis Min Kepemimpinan Pengajaran GKMP mengikut dimensi	57
16	Perbezaan Amalan Kepemimpinan Pengajaran mengikut lokasi	58

17	Perbezaan Kepemimpinan Pengajaran mengikut Jantina	59
18	Perbezaan Kepemimpinan Pengajaran mengikut Jawatan	59
19	Perbezaan Kepemimpinan Pengajaran mengikut pengalaman di bawah kepemimpinan GKMP semasa	60
20	Analisis Min Kompetensi pengurusan kewangan GKMP	60
21	Perbezaan Kompetensi pengurusan kewangan GKMP mengikut lokasi	61
22	Perbezaan Kompetensi pengurusan kewangan GKMP mengikut Jantina	62
23	Perbezaan Kompetensi pengurusan kewangan GKMP mengikut Jawatan	62
24	Perbezaan Kompetensi pengurusan kewangan GKMP mengikut pengalaman di bawah kepemimpinan GKMP semasa.	63
25	Hubungan antara Kepemimpinan Pengajaran dengan Amalan Pengurusan Aset Alih Kerajaan bidang Teknik & Vokasional	64
26	Hubungan antara Kompetensi dalam Pengurusan Kewangan dengan Amalan Pengurusan Aset bidang Teknik & Vokasional	64

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Carta Organisasi Sekolah	5
2	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPKA)	7
3	Model pengurusan kewangan Knight (1993)	18
4	Model pengurusan sumber persekitaran pendidikan (MMEER)	19
5	Model kepemimpinan dan pengajaran Hallinger & Murphy's (1985)	23
6	Model kepemimpinan pengajaran Dwyer (1984)	24
7	Model kepemimpinan pengajaran Weber (1996)	25
8	Model kompetensi Iceberg Spencer dan Spencer (1983)	32
9	Kerangka konseptual kajian	39

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
A	Borang soal selidik	98
B	Senarai panel penilai instrument kajian	99
C	Surat kebenaran untuk menjalankan kajian	100
D	Kebenaran menggunakan instrument kajian	101
E	Analisis penerokaan data	102



SENARAI SINGKATAN

GKMP	Guru Kanan Mata Pelajaran
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
PCG	Peruntukan Per Kapita
IAB	Institut Aminuddin Baki
PTV	Pendidikan Teknik & Vokasional
JKPKA	Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun
TPA	Tatacara Pengurusan Aset

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan kepemimpinan pengajaran dan kompetensi pengurusan kewangan Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) mempunyai hubungan dengan amalan pengurusan aset dalam bidang Teknik & Vokasional. Dalam kajian ini aspek utama kajian ialah amalan pengurusan aset alih kerajaan dalam bidang Teknik & Vokasional, kepemimpinan pengajaran dan kompetensi pengurusan kewangan GKMP bidang Teknik & Vokasional.

Penerangan tentang kajian yang akan dilaksanakan diuraikan dalam tajuk latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan kepentingan kajian.

1.2 Latar Belakang Kajian

Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan untuk meningkatkan pencapaian dan pertumbuhan ekonomi negara. Kejayaan sesebuah negara amat bergantung pada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki rakyat. Rakyat yang berpendidikan tinggi akan berpeluang menikmati kemajuan ekonomi yang lebih tinggi. Dasar pendidikan negara adalah melahirkan murid yang kritis bagi meningkatkan tenaga kerja mahir dan usahawan agar dapat bersaing dengan negara-negara maju. Ini selaras dengan hasrat negara untuk merialisasikan transformasi Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi (RMK10). Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional (2011-2020) dilaksanakan kerana Pendidikan Teknik & Vokasional (PTV) dilihat dapat melahirkan modal insan berkemahiran tinggi. Ini membolehkan negara mengeluarkan tenaga kerja yang mahir, berinovatif dan kompetitif (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011). Usaha juga dijalankan untuk menerapkan kepemimpinan dalam PTV bagi melahirkan golongan professional yang mempunyai kemahiran dan keyakinan serta pengetahuan dalam membuat keputusan.

Di sekolah menengah harian, pendidikan Teknik & Vokasional telah diajar kepada murid-murid melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB). Mata pelajaran ini diajar agar dapat melatih murid-murid dalam pelbagai kemahiran asas. Penerapan kemahiran asas dalam kalangan murid-murid penting bagi membolehkan mereka hidup secara produktif dalam dunia perdagangan dan teknologi yang kompleks serta sentiasa berubah. Selain kemahiran teras, mata pelajaran KHB turut mengandungi

kemahiran elektif iaitu teknikal, ekonomi rumah tangga, pertanian, perdagangan dan keusahawanan. Oleh kerana pengajaran dan pembelajaran yang banyak menekankan pembelajaran secara teori dan amali maka bengkel-bengkel KHB perlu mempunyai pelbagai jenis peralatan yang dibekalkan oleh kerajaan. Peralatan yang lengkap dapat memastikan setiap murid memperolehi pembelajaran yang berkualiti. Bagi memastikan sekolah-sekolah mempunyai peralatan yang lengkap, peruntukan kewangan yang diterima oleh Kementerian Pendidikan adalah tinggi. Lantaran itu kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan perlu ada pada semua peringkat dalam organisasi pendidikan, khususnya sekolah. Pengurusan kewangan yang baik dapat memastikan akauntabiliti dalam perbelanjaan kewangan yang diterima iaitu telah dibelanjakan dengan betul, teratur dan mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkaitan.

Pengurusan aset yang merangkumi pengurusan peralatan di sekolah merupakan aspek penting dalam pengurusan kewangan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Kecekapan pengurusan aset adalah penting kerana ia merupakan antara perkara yang diperiksa oleh pihak audit sekolah. Oleh itu isu-isu yang berkaitan dengan kelemahan dalam pengurusan aset kerajaan di sekolah merupakan antara yang dilaporkan oleh pihak audit sekolah semasa pengauditan dalam pengurusan kewangan dijalankan. Begitu juga dalam laporan audit negara terdapat kelemahan dalam pengurusan penerimaan, perekodan, penyelenggaraan dan pemantauan aset kerajaan di kementerian-kementerian yang diaudit (Jabatan Audit Negara, 2014). Oleh itu, isu-isu yang berkaitan dengan kelemahan pengurusan aset ini perlulah dipandang serius agar Kementerian Pendidikan dapat mencapai matlamat dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan kewangan. Menurut laporan audit sekolah disatukan, terdapat sekolah yang mempunyai kelemahan dalam pengurusan aset alih dan stor kerajaan seperti pegawai aset tidak dilantik, pemeriksaan fizikal tidak dilaksanakan dan daftar berkaitan dengan aset dan stor tidak diselenggarakan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Merujuk jadual 1, terdapat 11 buah sekolah yang menerima sijil audit berteguran kurang memuaskan dalam pengurusan kewangannya di negeri Selangor. Ini bermakna di sekolah tersebut, terdapat perkara material dan *pervasive* yang boleh menjejaskan kebenaran dan kesaksamaan penyata kewangan dari aspek prinsip perakaunan, konsistensi atau had disebabkan kekangan skop pengauditan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Jadual 1 : Bilangan sijil audit berteguran bagi sekolah-sekolah di negeri Selangor bagi tahun kewangan 2014

SIJIL AUDIT BERTEGURAN					
	CEMERLANG	BAIK	MEMUASKAN	KURANG MEMUASKAN	TIDAK MEMUASKAN
BILANGAN SEKOLAH	0	1	7	11	0

(Sumber: *Laporan audit sekolah negeri Selangor 2015*)

Manakala jadual 2 pula menunjukkan laporan kelemahan pengurusan aset alih kerajaan bagi sekolah-sekolah di negeri Selangor iaitu yang berkaitan dengan pematuhan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 bagi pengurusan aset alih kerajaan. Antaranya ialah tidak melantik pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan aset alih kerajaan, tidak membuat laporan pemeriksaan aset alih dan tidak mengemaskini maklumat dalam daftar aset alih kerajaan.

Jadual 2 : Bilangan sekolah di negeri Selangor bagi kelemahan dalam pengurusan aset alih kerajaan.

Pegawai aset tidak dilantik	Pegawai pemeriksa dan pengesah aset tidak dilantik	Laporan pemeriksaan aset alih (KEW.PA-11) tidak disediakan	Laporan pemeriksaan harta modal (KEW.PA-10) tidak disediakan	Aset tidak didaftar dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan	KEW. PA-2, KEW. PA-3, KEW.PA-4 dan KEW.PA-5 tidak diselenggara
5	6	6	6	2	7

(Sumber: *Laporan audit sekolah negeri Selangor 2015*)


Begitu juga peranan guru dan pemimpin sekolah sebagai barisan hadapan dalam sistem pendidikan perlu dipandang serius. Tumpuan akan diberi terhadap peningkatan kualiti dan sokongan kerana kepemimpinan boleh memberi impak yang besar dalam peningkatan kualiti organisasi dan pembelajaran murid (Leithwood Kenneth, 2008; Leithwood Kenneth L.K., 2004). Sebagaimana di Amerika Syarikat perbincangan mengenai kepemimpinan pengajaran adalah mengenai fungsi kepemimpinan pengetua itu sendiri sebaliknya di United Kingdom lebih banyak perbincangan yang mengarah kepada kepemimpinan daripada pemimpin pertengahan (Frost, 2003). Malaysia juga tidak ketinggalan dengan mula menjadikan pemimpin pertengahan di sekolah sebagai pemimpin pengajaran melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013 – 2025). Transformasi sistem pendidikan negara yang mengandungi 11 anjakan utama adalah usaha bagi

mencapai standard pendidikan antarabangsa. Ia merupakan persiapan kepada generasi muda dengan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi untuk menghadapi keperluan abad ke 21. Memastikan kepemimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di setiap sekolah bagi meningkatkan keberhasilan murid merupakan anjakan ke lima dan dimulai dengan menjadikan pemimpin pertengahan sebagai pemimpin pengajaran.

Kepemimpinan pengajaran merupakan elemen yang penting bagi sekolah yang berkesan (Ubben, Hughes, & Norris, 2010) dan seharusnya dikongsi bersama antara pentadbir dan guru-guru sekolah (James Jit Eng & Ramiah, 2013). Institut Aminuddin Baki (IAB) merupakan sebuah institusi yang berperanan untuk memantapkan bidang kepemimpinan dan pengurusan dalam pendidikan di Malaysia. Oleh itu IAB telah membuat penambahbaikan dalam latihan dengan memperkenalkan kerangka “Pengurusan Pembangunan Potensi Kepemimpinan Pendidikan” yang mengandungi komponen *School Leadership Competency (SLC)* (Institut Aminuddin Baki, 2008). Ini bagi menghasilkan kepemimpinan berimpak tinggi di sekolah-sekolah.

Pemimpin pertengahan di sekolah-sekolah terdiri daripada Penolong Kanan (PK), Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) dan Ketua Panitia (KP). Guru Kanan Mata Pelajaran atau Ketua Bidang merupakan pemimpin yang mengetuai sesebuah jabatan atau bidang mata pelajaran yang membantu pengetua dalam pengurusan dan pentadbiran di sekolah (Esther Chau, 2003). Mereka merupakan orang tengah antara pihak pengurusan atasan dengan guru-guru di sekolah (Mohammed Sani, Tajuddin, & Saedah, 2011; Spillane et al., 2002) dan mempunyai kuasa untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan pengurusan akademik (Siskin, 1991). Ini kerana mereka mempunyai pengalaman yang luas, pengetahuan dan kemahiran untuk melancar dan menambahbaikan sistem pendidikan (Esther Chau, 2003).

Tanggungjawab dan peranan pengurus akademik pertengahan yang dikaji di negara barat adalah berdasarkan kepada enam tugas utama iaitu tadbir urus jabatan, pengurusan program, pengurusan sumber manusia, sumber dan bajet, komunikasi dengan pihak luar dan pengurusan pejabat (Nguyen, 2013). Oleh kerana tanggungjawab dan peranan pemimpin pertengahan ini merangkumi enam tugas utama ini, seharusnya pengurusan aset alih kerajaan yang berkesan dapat diamalkan melalui kepemimpinan pengajaran. Ini kerana, kepemimpinan pengajaran dilihat dapat memberi sumbangan terhadap keberkesanan pengurusan aset alih kerajaan melalui amalan-amalan berdasarkan tiga dimensi iaitu menjelaskan misi sekolah, mengurus program pengajaran dan menggalakkan iklim pembelajaran positif di sekolah (Philip Hallinger, 2009). Tambahan pula struktur sekolah yang disusun mengikut jabatan menyebabkan guru-guru lebih dipengaruhi oleh ketua jabatan atau GKMP berbanding dengan pengetua (Todd & Lynn, 2006).




Rajah 1 : Carta Organisasi Sekolah (Sumber: Hassan, 2005)

Rajah 1 merupakan carta organisasi sekolah yang berbentuk pyramid. Jawatan GKMP adalah di aras ketiga selepas pengetua dan guru-guru penolong kanan (Hassan, 2005). Ini menunjukkan peranan GKMP dalam sistem pentadbiran sekolah adalah penting kerana mereka membantu tugas pengetua dalam pengurusan sekolah khususnya yang berkaitan dengan bidang mata pelajaran masing-masing.

Peranan GKMP adalah merangkumi pengurusan kurikulum, pengurusan kokurikulum dan pengurusan pentadbiran. Dalam pengurusan kurikulum GKMP akan melaksanakan tugas pengajaran dan pembelajaran, memimpin, merancang pelajaran bagi panitia, merancang kemajuan staf melalui bimbingan dan pemantauan, penyediaan bahan-bahan dan program serta menyebarkan maklumat berkaitan bidang mata pelajarannya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001). Manakala dalam pengurusan kokurikulum, GKMP merancang, menyelaras dan melaksana segala kegiatan dan aktiviti persatuan yang bersifat akademik. Begitu juga dalam pengurusan pentadbiran, GKMP membantu dalam kutipan data atau maklumat, merancang takwim sekolah, menyediakan anggaran belanjawan tahunan sekolah, mengawal perbelanjaan, menjaga dan menyemak stok, inventori dan segala peralatan pengajaran yang berkaitan dengan bidang mata pelajarannya (Asiah Hassan, 2005).

Aspirasi Sistem Pendidikan Malaysia turut mengandungi kecekapan dalam pengurusan peruntukan adalah untuk memastikan keberhasilan murid sepadan dengan peruntukan yang diberi. Menurut Soaib (2010), sekolah yang cemerlang memerlukan pengurusan kewangan yang cekap. Kecekapan dalam pengurusan kewangan memerlukan pemimpin yang mempunyai kompetensi kerana ia dapat membezakan antara pekerja biasa dengan pekerja yang cemerlang (Spencer & Spencer, 1993). Setiap pemimpin perlu mempunyai kompetensi dalam pengurusan kewangan begitu juga dengan GKMP. Ini kerana peranan GKMP adalah untuk membantu dalam pengurusan kewangan sekolah yang merangkumi pengurusan belanjawan, pengurusan akaun, pengurusan perbelanjaan, pengurusan hasil, pengurusan perolehan dan pengurusan aset (Institut Aminuddin Baki, 2011).



Rajah 2 : Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPKA)

Rajah 2 menunjukkan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPKA) adalah bagi memastikan pengurusan kewangan yang cekap di sekolah-sekolah. Ini kerana keberkesanan dalam pengurusan kewangan seharusnya berdasarkan sistem kawalan serta struktur organisasi yang jelas (Muhammad Faizal, Norfariza, & Saedah, 2012) bagi membolehkan kuasa dan autoriti diberi kepada individu tertentu mengikut hieraki. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPKA) yang dianggotai oleh GKMP akan membantu pengetua dalam mengawasi, memantau dan menyelia semua urusan kewangan bidang masing-masing agar berjalan lancar dan menepati peraturan yang ditetapkan (Institut Aminuddin Baki, 2011).

Sebagai JKPKA sekolah, segala urusan yang berkaitan dengan pengurusan kewangan bidang mata pelajarannya dipertanggungjawabkan kepada GKMP. Mereka merupakan individu yang mengetuai dan memimpin guru-guru di bawah bidangnya sebagaimana yang terdapat dalam carta organisasi sekolah. Guru Kanan Mata Pelajaran (GKMP) perlu mempunyai kompetensi dalam pengurusan kewangan iaitu memahami setiap arahan perbendaharaan dan menggunakan strategi yang berkesan dalam perbelanjaan. Ini bagi memastikan peruntukan yang terhad dapat dimanfaatkan secara optimum untuk meningkatkan prestasi murid (Odden et al., 2012).

Peranan GKMP sebagai penggerak dan pemantau bagi setiap aktiviti yang dijalankan dapat membantu dalam pengurusan dan pentadbiran kewangan terutama aset alih kerajaan di bawah bidang Teknik & Vokasional. Latihan dan maklumat mengenai pengurusan aset alih kerajaan perlu diberi kepada guru yang mengurus bengkel-bengkel KHB agar difahami dan dilaksanakan

untuk meningkatkan kompetensi pengurus bengkel. Oleh yang demikian, kompetensi pengurusan kewangan dilihat dapat memberi kesan dalam pengurusan aset alih kerajaan yang cekap melalui nilai atau sikap yang terdapat pada peribadi GKMP. Ciri-ciri peribadi adalah penentu yang membezakan antara prestasi pekerja yang cemerlang dengan pekerja biasa (Spencer & Spencer, 1993). Kepemimpinan yang berterusan daripada GKMP dapat membantu meningkatkan motivasi dan kepuasan kerja dari kalangan guru untuk pencapaian sekolah yang cemerlang khususnya dalam pengurusan aset alih bidang Teknik & Vokasional.

1.3 Penyataan Masalah

Pengurusan aset merupakan salah satu komponen dalam pengurusan kewangan. Oleh itu, dalam laporan yang dikeluarkan oleh jabatan audit negara sering diutarakan mengenai terdapatnya kelemahan dalam pengurusan aset kerajaan. Antaranya adalah mengenai prestasi pengurusan aset dan stor di kementerian dan jabatan kerajaan berada pada tahap yang baik dan perlu penambahbaikan (Jabatan audit negara, 2011). Begitu juga dalam pengesahan dan pemantauan peralatan yang diterima adalah kurang memuaskan (Jabatan Audit Negara, 2012). Manakala bagi mengelak pembaziran, pengurusan aset perlu ditingkatkan terutama dalam penyelenggaraan, pemantauan, penyeliaan dan rekod aset kerajaan yang dikemaskini (Jabatan Audit Negara, 2013). Tambahan pula, terdapat sekolah-sekolah yang menerima sijil audit berteguran kurang memuaskan dalam pengurusan kewangan khususnya dalam pengurusan aset.

Sijil audit berteguran diberi kepada sekolah-sekolah jika terdapat perkara material dan *pervasive* yang boleh menjejaskan kebenaran dan kesaksamaan penyata kewangan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Bagi negeri Selangor sahaja, terdapat sebelas sekolah yang menerima sijil audit berteguran kurang memuaskan bagi tahun kewangan 2014 dan turut mempunyai kelemahan dalam pengurusan aset alih kerajaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, n.d.). Tindakan untuk memperbaiki kelemahan dalam pengurusan aset alih kerajaan perlu segera dilakukan agar sekolah dapat melaksanakan pengurusan yang cekap. Pengurusan aset alih kerajaan yang cekap dapat memastikan pembelajaran yang berkesan dapat diberi kepada murid-murid. Walaupun laporan audit tidak menunjukkan bidang Pendidikan Teknik & Vokasional (PTV) merupakan bidang yang kritikal namun kajian penting untuk dilakukan terhadap pengurusan aset alih kerajaan kerana mempunyai nilai aset yang paling banyak. Ini dapat memastikan kecekapan dalam pengurusan peruntukan yang diperolehi.

Salah satu aspek peranan GKMP ialah untuk membantu pentadbir dalam pengurusan kewangan di sekolah. Oleh itu GKMP sebagai pemimpin dalam bidang PTV perlu mengamalkan kepemimpinan pengajaran melalui dimensi-dimensi dalam kepemimpinan pengajaran. Isunya ialah pemimpin pertengahan iaitu GKMP kurang didedahkan dengan program kepemimpinan

yang turut merangkumi pengurusan kewangan kerana kursus-kursus yang dijalankan di Institut Aminuddin Baki (IAB) kebanyakannya adalah untuk Pengetua dan Penolong Kanan. Ini menyebabkan peranan GKMP sering terpinggir dan tidak dapat memberi kesan yang ketara dalam pengurusan sekolah (Mohammed Sani et al., 2011). Menurut Muhammad (2007), kepemimpinan pengajaran dapat ditingkatkan melalui pengamalan yang berkesan.

Antara amalan kepemimpinan pengajaran yang berkesan adalah melalui perkongsian maklumat dengan guru-guru bidang PTV. Kemahiran dan pengetahuan dalam pengurusan kewangan penting kerana aspek tadbir urus yang tidak jelas dan difahami boleh menyebabkan masalah dalam pengurusan kewangan khususnya aset (Fitzgerald & Drake, 2013; Nur, Mohd Nadzri, & Muhammad Najib, 2013). Fenomena yang sama turut berlaku di sekolah apabila GKMP tidak mempunyai kompetensi dalam pengurusan kewangan menyebabkan guru-guru bidang PTV juga tidak mempunyai maklumat yang tepat dalam tatacara pengurusan aset alih kerajaan. Menurut Che Soh (2008), perlantikan GKMP yang berasaskan kepada pengalaman tugas sahaja boleh membawa implikasi kepada pengurusan kewangan. Masalah ini sukar untuk diatasi sekiranya pemimpin pertengahan tidak memberi perhatian sewajarnya dalam pengurusan kewangan (Nguyen, 2013) dan menyebabkan pengurusan kewangan adalah sederhana (Mohammed Sani et al., 2011).

Oleh itu, amat penting untuk mengkaji hubungan antara kepemimpinan pengajaran dan kompetensi pengurusan kewangan GKMP dengan amalan pengurusan aset alih kerajaan bidang Teknik & Vokasional.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap kepemimpinan pengajaran dan kompetensi pengurusan kewangan oleh GKMP dengan amalan pengurusan aset dalam bidang Teknik & Vokasional.

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk

1. Menenalpasti amalan pengurusan aset alih kerajaan dalam bidang Teknik & Vokasional berdasarkan faktor demografi.
2. Menenalpasti amalan kepemimpinan pengajaran GKMP dalam bidang Teknik & Vokasional.
3. Menenalpasti kompetensi pengurusan kewangan GKMP dalam bidang Teknik & Vokasional.
4. Menentukan hubungan antara kepemimpinan pengajaran dan kompetensi pengurusan kewangan GKMP dengan amalan pengurusan aset alih kerajaan dalam bidang Teknik & Vokasional.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan yang terdapat dalam kajian ini ialah:

1. Apakah amalan pengurusan aset alih dalam bidang Teknik & Vokasional berdasarkan persepsi guru-guru KHB?
2. Adakah terdapat perbezaan amalan pengurusan aset dalam bidang Teknik & Vokasional berdasarkan faktor demografi?
3. Apakah amalan kepemimpinan pengajaran GKMP dalam bidang Teknik & Vokasional berdasarkan persepsi guru-guru KHB?
4. Adakah terdapat perbezaan amalan kepemimpinan pengajaran GKMP dalam bidang Teknik & Vokasional berdasarkan faktor demografi?
5. Apakah kompetensi pengurusan kewangan GKMP bidang Teknik & Vokasional berdasarkan persepsi guru-guru KHB?
6. Adakah terdapat perbezaan kompetensi pengurusan kewangan GKMP bidang Teknik & Vokasional berdasarkan faktor demografi?
7. Adakah terdapat hubungan amalan kepemimpinan pengajaran dan kompetensi pengurusan kewangan GKMP dengan amalan pengurusan aset alih kerajaan dalam bidang Teknik & Vokasional?

1.6 Kepentingan Kajian

Perkembangan pesat yang berlaku di dalam sistem pendidikan negara menyebabkan peranan dan tanggungjawab warga pendidik juga mengalami perubahan. Bidang pendidikan menjadi semakin kompleks dan menyebabkan pertambahan beban tugas kepada pentadbir sekolah. Dengan itu GKMP sebagai pengurus pertengahan antara pentadbir dengan guru-guru perlu memainkan peranan yang lebih proaktif di dalam menjalankan tugas-tugasnya sebagai pemimpin pertengahan. Kajian ini menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Hallinger dan Murphy (1985,1996) bahawa pemimpin pertengahan boleh bertindak sebagai pemimpin pengajaran.

Hasil kajian ini diharap dapat membantu memberi maklumat yang berguna bagi beberapa pihak seperti berikut:

Membantu menilai kembali kepemimpinan pengajaran yang diamalkan oleh GKMP dalam bidang Teknik & Vokasional. Menurut Stogdill (1974), kepemimpinan yang cekap dan berkesan dapat meningkatkan kemajuan dan kejayaan sesuatu organisasi. Selain itu, ia juga membantu pihak sekolah dalam mengenal pasti aspek-aspek yang perlu diperbaiki dan diberi pengukuhan terhadap tugas pengurusan kewangan khususnya dalam pengurusan aset alih kerajaan bidang Teknik & Vokasional. Maklumat mengenai kompetensi pengurusan kewangan GKMP dan amalan pengurusan aset alih kerajaan bidang Teknik & Vokasional dapat diperolehi bagi memastikan pegurusan sumber yang cekap. Sebagaimana Nelson

(2011) menyatakan pengurusan sumber yang cekap dapat meningkatkan prestasi murid.

1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara yang dihadkan oleh penyelidik. Di antara batasan-batasan tersebut ialah:

Kajian ini hanya dijalankan ke atas guru-guru dalam bidang Teknik & Vokasional yang mengajar di bengkel KHB. Guru-guru membuat penilaian terhadap pematuhan tatacara pengurusan aset di bengkel KHB. Penilaian oleh guru-guru adalah berdasarkan pemerhatian dan pengalaman mereka di bawah kepimpinan GKMP dalam bidang Teknik & Vokasional. Kajian ini memfokus kepada tiga domain yang penting iaitu kepimpinan pengajaran, kompetensi pengurusan kewangan GKMP dan amalan pengurusan aset alih kerajaan dalam bidang Teknik & Vokasional.

1.8 Definisi Istilah

1.8.1 Amalan Pengurusan Aset Alih Kerajaan bidang Teknik & Vokasional

Sumber ialah alat pembekalan atau sokongan seperti kewangan, bahan, masa dan manusia yang dapat membantu mencapai matlamat sesebuah organisasi (Sonia Blandford, 1999:xi). Aset alih bermaksud aset yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat lain termasuk aset yang dibekalkan atau dipasang bersekali dengan bangunan (Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 Tahun, 2007).

Dalam konteks kajian ini amalan pengurusan aset alih kerajaan merujuk kepada sejauh mana pihak sekolah mematuhi peraturan berdasarkan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Pekeliling Perbendaharaan Bil.5 tahun 2007(TPA). Ianya merangkumi beberapa komponen iaitu tatacara pengurusan penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset alih kerajaan. Dalam bidang Teknik & Vokasional pula sejauh mana pihak sekolah telah mengurus aset alih kerajaan di bengkel-bengkel KHB dengan merujuk kepada TPA 2007 yang diukur menggunakan soal selidik dibina berdasarkan TPA 2007.

1.8.2 Kepemimpinan Pengajaran

Kepemimpinan pengajaran merupakan rangkuman visi atau falsafah pendidikan yang menjadi dasar kepada segala urusan pengurusan (Hamid & Ismail, 2005). Manakala Hallinger & Murphy (1985) telah mengemukakan

tiga dimensi kepemimpinan pengajaran dalam kerangka kepemimpinan pengajaran iaitu menjelaskan misi sekolah, mengurus program pengajaran dan menggalakkan iklim pembelajaran positif di sekolah. Dalam konteks kajian ini kepemimpinan pengajaran merujuk kepada sejauh mana GKMP mengamalkan elemen-elemen kepemimpinan pengajaran yang merangkumi mentakrif matlamat sekolah, mengurus program-program pengajaran dan menggalakkan iklim pembelajaran yang positif dalam bidang Teknik & Vokasional.

1.8.3 Kompetensi pengurusan Kewangan Sekolah GKMP

Kompetensi merupakan ciri yang mendasari seseorang dan tersembunyi yang boleh dilihat dalam bentuk imej diri, sifat, motif dan peranan sosial serta kemahiran dan pengetahuan yang mempunyai kesan secara langsung kepada prestasi kerja yang dihasilkan Boyatzis (1982). Kompetensi adalah gabungan elemen pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri personaliti yang diperlukan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab tertentu (Beheshtifar & Moghadam, 2011). Pengurusan kewangan ialah merancang sumber kewangan, mengagih dan menggunakannya untuk pelaksanaan program pendidikan dan mematuhi peruntukan dalam Akta Acara Kewangan dan Arahan Perbendaharaan (KPM, 2000).

Dalam konteks kajian ini kompetensi pengurusan kewangan merujuk kepada sejauh mana GKMP bidang Teknik & Vokasional berupaya untuk mengurus sumber kewangan khususnya dalam mengurus aset alih kerajaan bidang Teknik & Vokasional.

1.9 Kesimpulan

Bab ini membincangkan secara terperinci mengenai latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang menggambarkan secara keseluruhan aspek-aspek berkaitan dengan topik yang dikaji iaitu amalan pengurusan aset alih kerajaan, kepemimpinan pengajaran dan kompetensi pengurusan kewangan GKMP bidang Teknik & Vokasional. Selain itu, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi istilah juga telah diperincikan.

RUJUKAN

- Arnaboldi, M., & Lapsley, I. (2010). Asset management in cities: polyphony in action? *Accounting, Auditing & Accountability Journal*, 23(3), 392–419. doi:10.1108/09513571011034352
- Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C. K., & Walker, D. A. (2014). *Introduction to research in education* (9th ed.). Belmont, United States of America: Wadsworth.
- Asiah Hassan. (2005). *Peranan Ketua Bidang dalam merialisasikan visi sekolah di daerah Klang, Selangor: Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan*. Universiti Malaya.
